

SULIT



**SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM
JABATAN PENDIDIKAN KELANTAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2020**

5226/2

Tasawwur Islam

Kertas 2

Oktober

2020

2 ½ jam

TASAWWUR ISLAM

KERTAS 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DI BERITAHU

1. Kertas ini mengandungi **tujuh** soalan.
2. Soalan **satu wajib** dijawab dan pilih **empat** soalan yang lain.
3. Calon perlu menjawab **lima** soalan.
Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman kosong

Soalan 1 mesti dijawab. Kemudian jawab empat soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

1. (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan Uluhiyyah?. [2 markah]
 (ii) Nyatakan **dua** konsep Uluhiyyah. [4 markah]
- (b) Akal manusia perlu kepada bimbingan daripada wahyu Allah SWT kerana akal manusia tidak mampu memikirkan hakikat ketuhanan serta perkara-perkara ghaib yang lain. Oleh itu Allah SWT mengutuskan para rasul kepada manusia.
 Terangkan **dua** peranan rasul dalam membimbing manusia kearah kebenaran. [4 markah]
- (c) " Dan Aku tidak jadikan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah-Ku" - (Maksud Al-Quran Surah adz-Dzariyat, 51 : ayat 56)
 (i) Berikan **dua** sebab mengapa manusia mesti menyembah Allah SWT. [4 markah]
 (ii) Terangkan **dua** cara manusia menyembah Allah SWT. [2 markah]
- Sejarah telah merakamkan golongan yang mempertikaikan hadis telah bermula semenjak daripada zaman sahabat lagi dan berkembang pada zaman tabi'in kemudiannya menular pada zaman Khalifah Umar bin Abdul Aziz dan seterusnya pada zaman Imam as-Syafi'i. Keadaan tersebut berterusan sehingga ke hari ini dengan pelbagai nama dan kumpulan.
- (d) Bincangkan kesan buruk fahaman anti hadis kepada perkembangan hukum Islam. [4 markah]
2. (a) Nyatakan **dua** ciri wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT sejak daripada Nabi Adam AS hingga kepada Nabi Muhammad SAW. [2 markah]
- (b) " Tiada Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam kitab al-Quran " – (Maksud al-Quran, Surah al-An'am, 6 : ayat 38)
 Maksud ayat al-Quran di atas menjelaskan bahawa Islam merupakan agama sempurna yang bersifat syumuliyah.
 (i) Apakah yang dimaksudkan dengan syumuliyah ?. [2 markah]
 (ii) Berikan **dua** bukti Islam bersifat syumuliyah dalam bidang ekonomi. [4 markah]
- Thabat bermaksud tetap dan teguh serta tidak berubah hingga ke hari kiamat. Dalam ajaran Islam terdapat beberapa perkara yang dinyatakan secara tetap dan qat'ie. Ini bertujuan untuk menjamin kemuliaan dan ketinggian hidup manusia.
- (c) (i) Berikan **dua** perkara yang termasuk dalam konsep thabat tersebut. [2 markah]
 (ii) Jelaskan perkaitan antara murunah dengan thabat dalam perkara berikut. [4 markah]
 (i) Puasa
 (ii) Pergaulan

4. (a) (i) Huraikan **dua** cara menguruskan harta sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. [4 markah]
- (ii) Terangkan **dua** bentuk ujian Allah SWT ke atas pemilik harta. [4 markah]
- (b) Nyatakan **dua** kebaikan pekerjaan yang halal. [4 markah]
- (c) Islam mengiktiraf hak pemilikan harta dengan membolehkan harta diwariskan kepada keturunannya setelah pemiliknya meninggal dunia. [4 markah]
- Bincangkan kepentingan hak milik harta kepada manusia. [4 markah]
- (d) Kawan anda telah dibuang kerja akibat pandemik Covid 19 yang melanda seluruh dunia. Beliau juga telah menerima sedikit pampasan. Beliau telah memulakan perniagaan menjual nasi lemak dengan menggunakan pampasan yang beliau perolehi. Beliau ingin memperluaskan lagi perniagaannya, tetapi kekurangan modal.
- (i) Cadangkan jenis muamalah yang boleh rakan anda lakukan bagi mengembangkan lagi perniagaannya yang sesuai dengan sistem muamalah Islam. [1 markah]
- (ii) Jelaskan **tiga** sebab jenis muamalah tersebut sesuai dengan keadaan beliau. [3 markah]
- 5 (a) (i) Senaraikan **dua** matlamat perundangan Islam. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** keperluan perundangan Islam kepada keharmonian kehidupan bermasyarakat ?. [4 markah]
- (b) Terangkan **dua** matlamat fatwa dalam perundangan Islam. [4 markah]
- (c) Ibadat merupakan tunjang keimanan kepada Allah SWT yang mesti dilaksanakan. [4 markah]
- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan ibadat menurut Islam. [2 markah]
- (ii) Bincangkan perkaitan antara ibadat dengan perundangan. [4 markah]
- (d) " Dan jika kamu membalas kejahatan (pihak lawan), maka hendaklah kamu membalas dengan kejahatan yang sama seperti yang telah ditimpakan kepada kamu, dan jika kamu bersabar, (maka) sesungguhnya yang demikian itu adalah lebih baik bagi orang-orang yang sabar. (Surah an-Nahl, 16:126)
- Huraikan **dua** konsep pembalasan yang digariskan oleh undang-undang jenayah Islam terhadap penjenayah. [4 markah]

- 6.(a) (i) Nyatakan pengertian penyelesaian masalah menurut Islam. [2 markah]
- (ii) Terangkan **empat** langkah yang disarankan oleh Islam bagi menyelesaikan sesuatu masalah. [4 markah]
- (b) Huraikan **dua** cara Islam menjamin kesaksamaan sosial dalam kalangan rakyat di negara Islam. [4 markah]
- (c) Antara kelebihan penyelesaian masalah secara Islam ialah akan mewujudkan semangat juang dan menjadikan seseorang itu lebih bermotivasi. Bincangkan kepentingan semangat juang dalam kehidupan seseorang muslim. [4 markah]
- (d)

Kecemerlangan dalam pendidikan akan melahirkan masyarakat yang berilmu.

 Kemukakan **tiga** tindakan yang sepatutnya anda lakukan bagi mencapai [6 markah] kecemerlangan dalam pendidikan.
7. (a)

Ekonomi Islam kini semakin berkembang dan mendapat tempat dalam kalangan penduduk dunia terutamanya selepas krisis ekonomi yang berlaku baru-baru ini. Hal ini demikian kerana prinsip-prinsip yang diamalkan dalam sistem ekonomi Islam adalah bertujuan untuk saling membantu antara satu sama lain serta mementingkan kebajikan ummah. – (Akhbar Harian Nasional : 2 Ogos 2020)

- (i) Huraikan **dua** langkah untuk menggalakkan masyarakat bermuamalah secara Islam. [4 markah]
- (ii) Nyatakan **tiga** kesan terhadap masyarakat yang mengabaikan sistem muamalah Islam. [6 markah]
- (b)

Antara matlamat perundangan Islam adalah untuk melindungi harta manusia daripada dicerobohi oleh orang lain.
--

 Bagaimanakah matlamat tersebut dapat dicapai ? [4 markah]
- (c)

Apabila Allah SWT menghimpunkan manusia pada hari akhirat, berserulah seorang penyeru : " Sesiapa yang melakukan amalan kebaikan kerana Allah SWT dan juga manusia, maka hendaklah dia mencari pahala amalan itu daripada manusia tersebut, kerana sesungguhnya Allah SWT tidak memerlukan sekutu yang lain. (Hadis riwayat al-Tarmidzi)

 Bincangkan **tiga** cara untuk meningkatkan kualiti dalam beribadat. [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT